

14 MAR, 2021

## Skim Sewa Untuk Milik bagi pembeli pertama PR1MA dilaksana Jun

Berita Harian Ahad, Malaysia



Zuraida Kamaruddin

### Skim Sewa Untuk Milik bagi pembeli pertama PR1MA dilaksana Jun

**Kuala Lumpur:** Skim Sewa Untuk Milik (RTO) bagi pembeli pertama kediaman Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dijangka dilaksanakan pada Jun ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata setakat ini perkara itu masih diperhalusi dan perbincangan sedang dilakukan dengan institusi kewangan terpilih.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang berbincang dengan pihak Maybank untuk memperhalusi kaedah ini dari segi mekanisme dan seumpamanya.

"Kita menyasar ia (RTO) dapat dilaksanakan pada Jun ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Malaysia Prihatin Bersama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Pangsapuri Sri Intan, Lembah Jaya, Ampang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Keselamatan Negeri Selangor, Faizatul Aini Mohd Adnan dan Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Selangor, Ali Suhali.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, skim berkenaan akan ditawarkan kepada pembeli rumah projek PR1MA yang sudah diluluskan.

"Ia belum lagi dilaksanakan, satu adalah kerana mekanismenya sebab ia khusus untuk projek PR1MA baharu.

"Satu lagi membabitkan Bank Negara Malaysia (BNM)," katanya.

Sementara itu, Zuraida berkata, siri jelajah Program Malaysia Prihatin diharap dapat memberi penjelasan secara menyeluruh kepada rakyat bagi memastikan tiada individu tercicir dalam mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

"Jelajah ini akan dilaksanakan di seluruh negara dan bagi peringkat negeri Selangor ia dimulakan di tiga lokasi di Ampang.

"Selain mengadakan siri jelajah, kerajaan turut mengedarkan buku dan maklumat mengenai pendaftaran vaksinasi kepada orang ramai," katanya.